

**SUMBANGAN KARYA PARA ULAMA TERHADAP
PEMBANGUNAN ARUS PERDANA ISLAM
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
SOROTAN SEJARAH**

IZZAH NAQIBAH BINTI KAMIS

17MR414

**FAKULTI PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1442H / 2021M

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**SUMBANGAN KARYA PARA ULAMA TERHADAP
PEMBANGUNAN ARUS PERDANA ISLAM
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:
SOROTAN SEJARAH**

IZZAH NAQIBAH BINTI KAMIS

17MR414

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT-
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA SEJARAH
DAN TAMADUN ISLAM**

**Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam**

Zulhijjah 1442H/ Julai 2021

PENGESAHAN

**SUMBANGAN KARYA PARA ULAMA TERHADAP
PEMBANGUNAN ARUS PERDANA ISLAM DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM: SOROTAN SEJARAH**

IZZAH NAQIBAH BINTI KAMIS

17MR414

Penyelia: _____

Tanda Tangan: _____ **Tarikh:** _____

Dekan Fakulti: _____

Tanda Tangan: _____ **Tarikh:** _____

PENGAKUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Saya mengaku bahawa tesis Sarjana ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tanda Tangan :

Nama : Izzah Naqibah Binti Kamis

No. Pendaftaran : 17MR414

Tarikh :

PENGISYTIHARAN HAK CIPTA DAN PENGESAHAN PENGUNAAN PENYELIDIKAN YANG TIDAK DITERBITKAN

Hak cipta © 2021 oleh Izzah Naqibah Binti Kamis. Semua hak cipta terpelihara.

SUMBANGAN KARYA PARA ULAMA TERHADAP PEMBANGUNAN ARUS PERDANA ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: SOROTAN SEJARAH

Tidak ada sebahagian daripada penyelidikan yang tidak diterbitkan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem dapatan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran penulis bertulis daripada pemegang hak cipta kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah:

1. Sebarang bahan yang terkandung di dalam atau yang diperolehi daripada penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam peulisan mereka dengan pengakuan sewajarnya.
2. Universiti Islam Sultan Sharif Ali atau perpustakaanannya mempunyai hak untuk membuat dan menghantar salinan (cetak dan elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.
3. Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem dapatan dan membekalkan salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti lain dan perpustakaan penyelidikan.

Disahkan oleh Izzah Naqibah Binti Kamis

.....

Zulhijjah 1442/ Julai 2021

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana taufiq dan hidayahNya jua maka penulisan tesis Sarjana ini telah siap diungkayahkan dengan jayanya.

Sukacita saya ucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Ustaz Muhammed Sahrin bin Haji Masri yang selama ini banyak membantu dari segi bahan rujukan, tunjuk ajar, bimbingan serta panduan yang berguna di sepanjang proses penyiapan disertasi ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali kerana telah banyak memberi pendapat, idea dan melancarkan segala urusan di sepanjang tempoh pengajian.

Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada Pusat Pengkajian Borneo, Pusat Sejarah, Arkib Negara kerana telah mengizinkan saya untuk menjalankan kajian ini.

Ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga ditujukan buat kedua ibu bapa saya, Allahyarham Kamis bin Haji Mumin dan Kamariah binti Haji Matnoor serta keluarga yang sentiasa memberikan sokongan penuh serta memberikan dorongan dalam membuat penyelidikan.

Akhir sekali, ucapan terima kasih dan penghargaan ini dirakamkan buat sahabat baik, Nurul Atiqah Sa'idah binti Ibrahim, Norain binti Abdul Rahim dan Siti Mardinah binti Md Din serta para sahabat kumpulan PhD Survivor yang sentiasa memberikan semangat dan tunjuk ajar baik dari segi idea mahupun bahan-bahan rujukan yang berkaitan sepanjang kajian ini dijalankan.

ABSTRAK

SUMBANGAN KARYA PARA ULAMA TERHADAP PEMBANGUNAN ARUS PERDANA ISLAM DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM : SOROTAN SEJARAH

Ulama merupakan orang yang memiliki ilmu yang mendalam dan luas. Ulama juga mempunyai status yang sangat penting dalam al-Quran. Beberapa etimologi dalam al-Quran yang sinonim dengan etimologi ulama, seperti al-‘Alimun, Ulu, al-AI-Albab dan Ulu al-‘Ilm. Apabila para ulama menyebarkan Islam di Kawasan Alam Melayu, kehidupan masyarakat telah berubah dari mengamalkan animisme kepada pengamalan Islam dalam kehidupan mereka. Selain menyebarkan Islam di Alam Melayu, para ulama juga memainkan peranan penting di Alam Melayu. Melalui pendekatan kualitatif dan analisis sejarah, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumbangan para ulama dengan memfokuskan kepada arus perdana yang telah dibawa oleh mereka dari Timur Tengah ke Alam Melayu dan seterusnya ke Negara Brunei Darussalam. Hasilnya, ia membawa impak kepada masyarakat Brunei hingga ke hari ini.

Kata Kunci: Sumbangan, Ulama, Arus Perdana

ABSTRACT

THE CONTRIBUTION FROM WORKS OF THE SCHOLARS TOWARDS THE DEVELOPMENT OF THE ISLAMIC MAINSTREAM IN BRUNEI DARUSSALAM: HISTORICAL HIGHLIGHTS

Scholars are those who have deep and extensive knowledge. They also have a very important status in the Quran. Some etymologies in the Quran are synonymous with the etymology of the scholars, such as al-‘Alimun, Ulu al-Albab and Ulu al-‘Ilm. When the scholars began spreading Islam in the Malay world, their lives have been changed from practicing animism to practicing Islam. Other than spreading Islam, the scholars also played an important role in the Malay world. Through a qualitative and historical analysis, this study aims to identify the contribution of the scholars by focusing on the mainstream that has been brought by them from the Middle East to the Malay world and on to Brunei Darussalam. As a result, it has made an impact to the Bruneian society up to this day.

Keyword: Contribution, Scholars, Mainstream

ملخص البحث

مساهمة أعمال العلماء الفنية في تنمية التيار الرئيسي الإسلامي في بروني دار السلام: معالم تاريخية

العلماء هم الأشخاص الذين لديهم معرفة عميقة وعلم واسع. وللعلماء مكانة عالية في القرآن الكريم، حيث تأتي كلمة (العلماء) متفقة في المعنى مع العديد من الكلمات الأخرى في القرآن الكريم ، ومن هذه الكلمات : العالمون، وأولو الألباب، وكذلك أولو العلم. وعندما نشر العلماء الدين الإسلامي في الماضي في أرخبيل الملايو ، تغيرت حياة الناس حيث انتقلوا من حياة العبودية المادية إلى الحياة الإسلامية التوحيدية وحيث انتقلوا من عبادة المادة والمخلوقات إلى عبادة الواحد الديان . أضف إلى ذلك، إن العلماء كانوا يلعبون دورًا هامًا في أرخبيل الملايو .ومن خلال البحث الكيفي وكذلك التحليل التاريخي، يهدف هذا البحث إلى تحديد مساهمة العلماء حيث ركزوا على الاتجاه السائد الذي حملوه معهم من دول الشرق الأوسط إلى دول أرخبيل الملايو ومن بينها بروناي دار السلام. ولقد كان لهذا الاتجاه تأثيره العميق في شعب بروناي إلى يومنا هذا.

الكلمات المفتاحية : المساهمة، العلماء، التيار الرئيسية

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Pengisytiharan Hak Cipta	iv
Penghargaan	v
Abstrak	vi
Abstract	vii
مُلخَص البَحْث	viii
Isi Kandungan	ix
Transliterasi	xii

BAB I PENGENALAN KAJIAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pengenalan	1
1.3	Latar Belakang Kajian	2
1.4	Permasalahan Kajian	3
1.5	Persoalan Kajian	4
1.6	Objektif Kajian	4
1.7	Skop Dan Batasan Kajian	4
1.8	Kepentingan kajian	5
1.9	Definisi Operasional Kajian	6
1.10	Sorotan Literatur	7
1.11	Metodologi Kajian	11
	1.11.1 Reka Bentuk Kajian	11
	1.11.2 Kaedah Pengumpulan Data	12
	1.11.3 Instrumen Kajian	13
	1.11.4 Prosedur Kajian	13
1.12	Rangka Kajian	13

BAB II KONSEP, ETIMOLOGI DAN PERANAN ULAMA

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Konsep Ulama	15
	2.2.1 Etimologi Ulama Dalam al-Quran	19
	2.2.1.1 Al-‘Alimun	19
	2.2.1.2 Ulu al-Albab	19
	2.2.1.3 Ulu al-Abshar	20
	2.2.1.4 Ulu an-Nuha	20
	2.2.1.5 Ulu al-‘Ilm	21
	2.2.1.6 Utu al-‘Ilm	21
2.3	Kepelbagaian Etimologi Ulama di Alam Melayu	21
	2.3.1 Imam	22
	2.3.2 Khatib	23
	2.3.3 Kadi	24
	2.3.4 Mudim	24
	2.3.5 Baba	25

2.3.6	Tuan Guru	26
2.3.7	Kiyai	27
2.3.8	Ustaz	29
2.3.9	Muallim	30
2.3.10	Teungku	30
2.3.11	Syeikh	31
2.3.12	Mufti	32
2.3.13	Maulana	33
2.3.14	Sharif, Sayyid dan Habib	33
2.3.15	Makhdum	34
2.4	Peranan Ulama	35
2.4.1	Peranan Ulama dan Pendidikan	37
2.4.1.1	Keperluan kepada Penulisan	37
2.4.1.2	Kegiatan Ulama dalam Pendidikan di Timur Tengah	38
2.4.2	Peranan Ulama dalam Politik dan Pentadbiran	41
2.4.3	Peranan Ulama dalam Ekonomi	43
2.4.4	Peranan Ulama Brunei dalam Manuskrip Nadir	44
2.5	Kesimpulan	48

BAB III PERKEMBANGAN KARYA ULAMA DI ALAM MELAYU

3.1	Pendahuluan	49
3.2	Historiografi Alam Melayu	49
3.3	Pengembara dan Alam Melayu	50
3.3.1	Chau Ju Kua	50
3.3.2	I-Tsing	51
3.3.3	Ibnu Battutah	51
3.3.4	Syeikh Shamsuddin Abu Ubaidillah Muhammad bin Talib al-Damshik	51
3.3.5	Sulaman al-Tajir	51
3.3.6	Ibnu Majid	52
3.3.7	Marco Polo	52
3.3.8	Tom Pires	52
3.4	Alam Melayu Dalam Catatan Manuskrip	53
3.4.1	Hikayat Raja-Raja Pasai	53
3.4.2	Sulalah al-Salatin	53
3.4.3	Hikayat Siak	53
3.4.4	Hikayat Aceh	54
3.4.5	Tuhfat al-Nafis	54
3.5	Kedatangan Orang Arab di Alam Melayu	54
3.6	Perkembangan Islam di Alam Melayu	56
3.7	Jaringan Keilmuan antara Timur Tengah dan Alam Melayu	59
3.7.1	Aktiviti Penulisan Karya Ulama Alam Melayu	60
3.7.2	Pengaruh Ulama Timur Tengah Terhadap	

	Karya-Karya Alam Melayu	61
3.7.2.1	Abdullah Arif	61
3.7.2.2	Ibn Arabi	61
3.7.2.3	Imam al-Ghazali	62
3.7.2.4	Muhammad bin Fadlillah al-Burhanpuri	63
3.7.2.5	Syeikh Ata'illah bin Ahmad al-Masri al-Azhari	63
3.7.2.6	Syeikh Ahmad al-Damanhuri	63
3.7.2.7	Abd al-Mu'ti bin Salim bin Umar al-Syabli	63
3.7.2.8	Ibn Shaddad al-Himyari	63
3.7.2.9	al-Busairi	63
3.7.2.10	al-Mawardi	64
3.7.2.11	Abu Isma'il al-Basri	64
3.7.2.12	Haitham bin Fakir Abd al-Wahhab	65
3.7.2.13	al-Baihaqi	65
3.7.1.14	al-Sanusi	65
3.7.1.15	Ibrahim al-Laqani	66
3.7.1.16	al-Qaiti	66
3.7.1.17	Abu al-Fauz Sayyid Ahmad al-Marzuqi bin Muhammad Ramadan al-Hasani	66
3.7.1.18	Ibnu Hajar	66
3.7.1.19	Abu Yazid al-Bustami	67
3.8	Ulama Alam Melayu	67
3.8.1	Syeikh Hamzah Fansuri	67
3.8.2	Syeikh Nuruddin al-Raniri	68
3.8.3	Syeikh Shamsuddin al-Sumaterani	72
3.8.4	Syeikh Abdul Rauf Singkel	74
3.8.5	Bukhari al-Jauhari	76
3.8.6	Syeikh Yusuf al-Taj al-Makassari	77
3.8.7	Syeikh Abdul Samad al-Falimbani	78
3.8.8	Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani	80
3.8.9	Sjeikh Muhammad Arsyad al-Banjari	89
3.8.10	Syeikh Mahfuz al-Tarmasi	91
3.9	Percetakan Karya Ulama di Alam Melayu	93
3.9.1	Makkah	93
3.9.2	Istanbul, Turki	93
3.9.3	Bombay, India	93
3.9.4	Kaherah, Mesir	95
3.9.5	Alam Melayu	97
3.10	Arus Perdana di Alam Melayu	98
3.11	Kesimpulan	102

Bab IV ULAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4.1	Pendahuluan	104
4.2	Sejarah Brunei	104
4.3	Perkembangan Islam di Brunei	106
4.4	Pandangan Orang Barat Terhadap Ulama Brunei	107
4.5	Tugas Manteri-Manteri Ugama	108
4.6	Pusat Pembelajaran Masyarakat Brunei	111

4.6.1	Mata Pelajaran di Balai	112
4.7	Ulama Beserta Karya	113
4.7.1	Sharif Mu'Faqih	113
4.7.2	Pehin Datu Imam Yaakub	114
4.7.3	Pehin Khatib Haji Abdul Latif	115
4.7.4	Pehin Datu Imam Haji Mokti bin Haji Nasar	117
4.7.5	Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah bin Haji Mohd Salleh	119
4.7.6	Pehin Siraja Khatib Abdul Razak Bin Hasanuddin	120
4.7.7	Begawan Pehin Siraja Khatib Haji Muhammad Saad bin Juru Apong	121
4.7.8	Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Awang Abdullah bin Haji Hanafi	123
4.8	Sumbangan Ulama Dalam Pembangunan Arus Perdana	123
4.8.1	Sumbangan Ulama Dalam Pendidikan	123
4.8.2	Sumbangan Ulama Dalam Penulisan	134
4.8.2.1	Penulisan Fatwa	135
4.8.2.2	Penulisan Karya	140
4.8.3	Sumbangan Ulama Dalam Pentadbiran	145
4.9	Kesimpulan	153

BAB V

PENUTUP

5.1	Pendahuluan	154
5.2	Rumusan Kajian	154
5.3	Cadangan Kajian	156

	Bibliografi	158
--	-------------	-----

Lampiran 1	Permohonan Membuat Kajian	170
Lampiran 2	Salasilah daripada buku lama	171
Lampiran 3	Salasilah Keturunan dan Istiadat Segala Raja-Raja Khalifah berganti Gumanti	172
Lampiran 4	Salasilah Raja-Raja Brunei	173
Lampiran 5	Salasilah Raja-Raja Brunei	174
Lampiran 6	Salasilah Raja-Raja Brunei	175
Lampiran 7	Rajah Salasilah Tariqat Qadiriyyah	176
Lampiran 8	Himpunan Syarat Rukun	177
Lampiran 9	Shaer Yang Di-Pertuan	178
Lampiran 10	Kitab Ratib al-Haddad	179
Lampiran 11	Senarai Ulama Melayu dan Karya	180
Lampiran 12	Ulama Brunei Darussalam	190

TRANSLITERASI

Ejaan kalimat Arab berdasarkan kepada sistem transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
ا	a/°a	ض	dh
ب	b	ط	th
ت	t	ظ	zh
ث	ts	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	h	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w/u
ش	sy	ه	h
ص	sh	ي	y

BAB 1

PENGENALAN KAJIAN

1.1 PENDAHULUAN

Kajian ini adalah mengenai sumbangan karya para ulama terhadap pembangunan arus perdana. Menggunakan analisis sejarah, kajian ini akan mengenal pasti bagaimana ulama memainkan peranan mereka dan seterusnya menyumbangkan karya mereka melalui arus perdana.

1.2 PENGENALAN

Alam Melayu secara geografinya merupakan gugusan kepulauan yang mana penduduknya berbahasa rumpun Melayu yang kini terdiri daripada beberapa negara iaitu, Malaysia, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Thailand dan termasuk kelompok-kelompok Kampuchea, Vietnam dan Taiwan. Pentakrifan ini berlaku kerana faktor bahasa yang mana faktor ini merupakan satu-satunya tinggalan sejarah kuno yang masih kekal menjadi bukti kewujudan kawasan penempatan pelbagai kelompok Melayu.

Kun-lun, Dvipantara, Suvarnabhumi, Waqwaq dan Zabaj adalah antara nama-nama yang diberikan merujuk kepada Alam Melayu. Sejak awal abad masihi, Alam Melayu memainkan peranan untuk membekalkan segala macam rempah ratus, pelbagai barangan keperluan seperti bekalan makanan serta menjadi tempat persinggahan selamat untuk para pedagang Cina, India dan Arab. Pelayaran para pedagang ini bergantung kepada dua pergerakan angin, iaitu musim timur laut pada bulan Oktober hingga Mac dan barat daya pada bulan April hingga September. Selain itu juga, Alam Melayu merupakan tempat pertemuan pelbagai kepercayaan dan budaya.

Kedatangan Islam di Alam Melayu secara damai mengubah akidah bangsa Melayu yang pada mulanya berpegang kepada kepercayaan Hindu dan Buddha. Perubahan ini telah memperluas pengaruh kebudayaan Melayu dan bersaing dengan

kebudayaan Jawa dan Siam. Tambahan pula, terjadi pergolakan politik antara Sriwijaya dan Jawa sekitar abad ke 10 dan 11 masihi. Hal ini juga membawa perubahan kepada kejatuhan Kerajaan Sriwijaya.¹

Setelah itu muncul kerajaan-kerajaan Islam di Perlak dan Pasai, yang mana Perlak telah didatangi oleh 100 orang da'ie pimpinan Nakhoda Khalifah. Antara yang menyertai rombongan tersebut adalah Ali bin Muhammad bin Ali.²

Selain Perlak dan Pasai, Melaka juga menjadi sebuah pusat kerajaan Melayu Islam semenjak kejatuhan kerajaan Sriwijaya. Tempat-tempat ini menjadi tempat persinggahan utama para pedagang Cina, India, Arab dan Eropah dan memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam.

Proses Islamisasi tetap berlangsung walaupun adanya penyebaran agama Kristian yang dilakukan oleh bangsa Eropah sejak Perang Salib. Cabaran ini membuatkan proses Islamisasi semakin berkembang di Alam Melayu.

1.3 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kedatangan para ulama ke Alam Melayu telah memberi kesan yang signifikan kepada perkembangan Islam di Alam Melayu. Selain disiplin keilmuan Islam, para ulama juga memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, pendidikan, sosial dan ekonomi. Beberapa nama para ulama ini juga termaktub di dalam beberapa manuskrip hikayat seperti Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Merong Mahawangsa, Sejarah Melayu, Tarsilah Sulu dan Sisilah Raja-Raja Brunei. Pelbagai usaha dan kajian dilakukan oleh pengkaji dalam memartabatkan para ulama ini. Antaranya, pelbagai kajian ilmiah tentang para ulama telah ditelusuri oleh pengkaji dalam pelbagai bidang. Namun ini sahaja tidak cukup jika kita tidak meneliti dengan lebih dalam lagi mengenai sumbangan ulama dalam membawa arus perdana ke Alam Melayu khususnya Negara Brunei Darussalam.

¹ Zainal Kling. (2005). *Islam dan Pembudayaan Alam Melayu*. (n.pl). (n.pb). Hlm. 1 – 8

² Mahayuddin Haji Yahaya. (2017). *Syi'ah dan Pengaruhnya di Alam Melayu*. Bandar Seri Begawan. UNISSA Press. Hlm. 33

1.4 PERMASALAHAN KAJIAN

Secara historiografi, Islamisasi di Alam Melayu telah berlaku pada sekitar abad ke-13 dan 14 masihi. Menurut Hikayat Raja-Raja Pasai, Syeikh Ismail datang dengan kapal dari Mekah ke Malabar, kemudian Pasai, dan mengislamkan Merah Silu. Merah Silu kemudiannya menukar namanya kepada Malik al-Shalih. Pada abad ke 14 masihi, menurut Sejarah Melayu, Parameswara yang dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah telah diislamkan oleh Sayid Abdul Al-Aziz, seorang Arab dari Jeddah. Manakala Hikayat Merong Mahawangsa juga menyebutkan bahawa Syeikh Abdullah al-Yamani datang dari Makkah ke Nusantara dan mengislamkan Phu Ong Mahawangsa. Tarsilah Sulu juga ada meriwayatkan bahawa Islam disembarkan di Sulu pada abad ke-14 oleh Sharif Awliya Karim al-Makhdum.³

Manakala di Po-Ni⁴, pembuktian kedatangan orang Islam ke tempat tersebut telah dicatat dalam laporan Sejarah Cina, yang mana para tahun 977 Masihi, Po-Ni pada ketika itu telah mengutus Abu Ali, Syeikh Noh dan Qadhi Qasim ke Negeri China untuk menyampaikan sepucuk surat dan barangan hasil buminya.

Selang beberapa abad kemudian, berdasarkan Catatan Cina, Po-Ni sudah menjadi sebuah negara Islam pada tahun 1371 Masihi. Menurut catatan tersebut, Raja Po-Ni ketika itu dikenali sebagai 'Ma-ha-mo-sa'.⁵

Azyumardi Azra juga mengemukakan pendapat A.H Johns mengenai proses Islamisasi yang hanya kelihatan nyata pada abad ke-12 masihi. Walaupun para pedagang Muslim sudah berada di Alam Melayu sejak abad ke-7 dan ke-8 masihi namun beliau tidak membahas lebih lanjut mengenainya.

Beberapa pengkaji seperti Pengiran Mohammad, Wan Mohd Saghir, Ahmad Fathy al-Fatani juga membuat penelitian mengenai peranan ulama di Alam Melayu, namun penelitian mereka hanya tertumpu kepada ulama itu sendiri tanpa menyentuh

³ Azyumardi Azra. (1994). *Jaringan Ulama: Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad ke XVII dan XVIII: Melacak Akar-Akar Pembaruan Pemikiran Islam di Indonesia*. Jakarta: Prenadamedia Group. Hlm. 10-11

⁴ Sekarang dikenali sebagai Negara Brunei Darussalam.

⁵ Sultan Muhammad Shah.

mengenai arus perdana yang terjadi ketika itu dan siapakah yang membawa arus perdana tersebut ke Alam Melayu.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji telah menyediakan tiga persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah etimologi ulama di Alam Melayu?
- ii. Bagaimana para ulama memainkan peranannya dalam membawa arus perdana ini ke Negara Brunei Darussalam?
- iii. Apakah sumbangan para ulama dalam pembangunan arus perdana di Negara Brunei Darussalam?

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum kajian ini menghuraikan sumbangan para ulama dengan beberapa perkara di bawah:

- i. Meneliti etimologi ulama di Alam Melayu
- ii. Mengenal pasti arus perdana yang dibawa oleh para ulama dan bagaimana para ulama memainkan peranannya dalam membawa arus perdana ini ke Negara Brunei Darussalam.
- iii. Meneliti sumbangan para ulama dalam pembangunan arus perdana di Negara Brunei Darussalam.

1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Secara khususnya, kajian ini menyentuh tajuk yang dicadangkan dengan batasan seperti berikut:

- i. Kajian ini menumpukan tiga objektif kajian iaitu untuk meneliti etimologi ulama di Alam Melayu, mengenal pasti arus perdana yang dibawa oleh para ulama ke Alam Melayu dan akhirnya ke Negara Brunei Darussalam dan

meneliti sumbangan para ulama dalam pembangunan arus perdana di Negara Brunei Darussalam.

- ii. Kajian ini hanya terbatas kepada para ulama yang bermula abad ke 12 hingga awal abad ke 20 masihi.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan kajian ini, pengkaji berharap ia akan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai sumbangan ulama yang signifikan di Alam Melayu khususnya di Negara Brunei Darussalam.

- i. Memberikan satu dapatan bahawa sumbangan ulama bukan hanya tertumpu kepada bidang keilmuan, pentadbiran, sosial dan ekonomi semata bahkan para ulama juga memberikan sumbangan mereka dalam membawa arus perdana ke Alam Melayu khususnya Negara Brunei Darussalam.
- ii. Dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap ia akan menjadi sumber rujukan kepada mahasiswa dan mahasiswi baik di dalam mahupun di luar negara bagi meningkatkan pengetahuan mereka terutama mengenai sumbangan ulama di Negara Brunei Darussalam.
- iii. Dari hasil kajian ini juga, diharap kepada pihak-pihak berkenaan, terutama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Sejarah Brunei dan Arkib Negara akan membuat satu penyelidikan secara kolaborasi yang lebih mendalam lagi dengan menonjolkan para ulama samada kajian mengenai biografi, manuskrip, karya-karya mereka dan sebagainya.

1.9 DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN

i. Arus perdana

Menurut Kamus Dewan⁶, arus perdana bermaksud perkembangan semasa yang sedang giat berlaku dari segi pembangunan (fizikal, mental, kebudayaan, kehidupan dan sebagainya). Manakala kajian ini akan memfokuskan 3 bidang arus perdana iaitu akidah, syariah dan tasawuf.

ii. Ulama

Perkataan ulama dalam Bahasa Arab digunakan secara teknikal kepada orang-orang yang berpengetahuan dalam mana-mana bidang keilmuan Islam seperti Fiqh, Ilmu Kalam, Hadith dan lain-lain.

Al-Quran juga tidak mengkhususkan kepada ahli di bidang agama semata-mata, tetapi umum kepada mereka yang berkeahlian dalam bidang masing-masing.

Sayyid Qutb pula menafsirkan ulama sebagai mereka yang memerhati alam yang aneh dan membawanya mengenal Allah sebagai makrifat yang hakiki. Mereka mengenal akan kesan-kesan ciptaan Tuhan, tahu akan kesan kekuasaan Allah Subhanahu Wa Taala, malah merasai hakikat keagungan dengan melihat hakikat penciptaan. Di situ timbul rasa takut dan taqwa, malah pengabdian diri dan bukannya takut dan kagum ajaib kepada kehebatan alam.⁷

iii. Sumbangan

Menurut Kamus Dewan, sumbangan bermaksud sesuatu yang diberikan sebagai bantuan (kepada keramaian dan lain-lain).⁸

⁶ <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=Arus+perdana> (dipetik pada 29 Disember 2020)

⁷ Lihat: Sayyid Qutb. *Fi Zilal al-Quran*. Jilid 5. P. 2943; Zakaria Awang Soh. (1992). *Kecanggihan Alam Semesta Antara Wahyu Dengan Pengetahuan Sains*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan. Hlm. 67 dalam Mohamad Kamil Ab. Majid. (1999). 'Ulama dan Perubahan Sosial Dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 10. Hlm. 83

⁸ <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=sumbangan> (dipetik pada 5 Julai 2021)

1.10 SOROTAN LITERATUR

Dalam sorotan literatur ini, pengkaji akan membincangkan beberapa kajian yang berkait rapat dengan kajian ini dengan menggunakan kata kunci iaitu:

a. Etimologi

Kajian mengenai makna ulama telah banyak dibincangkan oleh para pengkaji. Pada tahun 1999, Prof. Madya Mohamad Kamil Hj Ab Majid telah menulis artikel bertajuk ‘Ulama dan Perubahan Sosial dalam Islam. Beliau menghuraikan definisi ulama melalui bahasa, al-Qur’an dan Hadith. Beliau juga menyentuh mengenai perubahan sosial yang dilakukan oleh ulama dengan menonjolkan para ulama pada zamannya masing-masing.

Pada tahun 2017, Imron Mustofa dengan tajuk Ulama’ dan Kontestasi Pengetahuan dalam Sudut Pandang al-Qur’an. Dalam artikel ini, beliau menghuraikan berberapa perkara. Pada permulaannya, beliau menghuraikan terminologi ulama, kemudian beliau menghuraikan mengenai kualiti dan instrumen ulama. Pada tahun yang sama juga, Ade Wahidin dalam artikelnya Konsep Ulama Menurut al-Qur’an (Studi Analitis atas Surat Fathir Ayat 28) membincangkan mengenai etimologi ulama dalam al-Qur’an. Selain etimologi ulama, beliau menghuraikan kata sinonim ulama dalam al-Qur’an seperti al-‘Alimun, Ulu al-Albab, Ulu al-Abshar, Ulu an-Nuha, Ulu al-‘Ilm dan Utu al-‘Ilm. Beliau juga menghuraikan kata ulama menggunakan pendekatan tafsir Ibnu Kathir, al-Sa’di dan Sayyid Quthb.

Pada tahun 2018, sebuah buku bertajuk Ulama Banjar Dari Masa Ke Masa diterbitkan hasil penyelidikan bersama antara Universitas Islam Negeri Antasari Banjarmasin dan Majelis Ulama Indonesia Kalimantan Selatan. Buku ini memuatkan biografi para ulama Banjarmasin bermula Syekh Muhammad Arsyad al-Banjari sehingga sekarang. Menariknya dalam buku ini juga menyentuh mengenai etimologi ulama yang digunapakai di Banjarmasin. Dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan konsep ulama dan membincangkan etimologi ulama di Alam Melayu.

b. Ulama

Sebuah kertas kerja yang ditulis oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Sri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim pada tahun 1989 bertajuk Pehin-Pehin Manteri Ugama Sebagai Institusi dan Peranan Mereka dalam Pentadbiran dan Pemerintahan Negara di Brunei. Kertas kerja ini merupakan satu percubaan awal untuk mengupas tentang ulama-ulama elit iaitu Manteri-Manteri Ugama atau Pehin-Pehin Ugama. Beliau juga menghuraikan tugas-tugas manteri-manteri ugama.

Tesis sarjana muda yang telah dihasilkan oleh Mohd Jamil bin Haji Abas (1991/1992) yang bertajuk Peranan Ulama-ulama Dalam Penyebaran Agama Islam Di Brunei Antara Tahun 1860-1959, beliau merungkaikan peranan para ulama di Brunei bukan sahaja dari aspek keagamaan semata malahan beberapa aspek yang lain seperti pentadbiran, tetapi beliau cuma meneliti 5 orang ulama abad ke 19 hingga awal abad ke 20, iaitu Pehin Dato Imam Haji Mokti bin Haji Nasar, Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin, Pehin Siraja Khatib Haji Saad bin Juru Apong, Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mohd Said bin Tengah dan Begawan Pehin Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Metali bin Mat Yassin.

Seterusnya, buku keluaran Jabatan Muzium Brunei pada tahun 1992 Tokoh-Tokoh Agama Di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas telah mendedahkan tokoh-tokoh agama secara ringkas yang berperanan besar dalam Kerajaan Brunei dan semakin menonjol sekitar abad ke 19. Mereka ini juga melahirkan ulama-ulama abad ke 20. Lebih dari 14 orang tokoh ini dianugerahkan beberapa jawatan, antaranya Imam, Khatib, Mudim dan sebagainya. Selain menghasilkan karya mereka sendiri, para ulama juga ada menyalin karya-karya dan amalan ulama terdahulu seperti Ratib al-Haddad dan Nasyid Ratib Saman. Tetapi buku ini tidak mendedahkan bagaimana mereka memperolehi karya-karya para ulama terdahulu dan mengapa ulama ini menggunakan karya-karya tersebut dalam pengajaran mereka.

Sebuah artikel yang telah ditulis oleh Awang Haji Muhaimin bin Haji Mohamed pada tahun 2009 di Jurnal Darussalam bil.9 yang bertajuk Pehin Datu Imam Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Awang Nasar. Dalam kajian ini, beliau menjelaskan biografi Pehin Datu Imam tersebut dengan jelas dan terperinci.

Dalam kumpulan artikel Wan Mohd Saghir Abdullah yang bertajuk Ulama Nusantara menyingkap tentang peranan para ulama terkenal seperti Fatani, Nusantara, Malaysia dan termasuk Brunei Darussalam. Antara ulama yang ditonjolkan dalam kumpulan artikel ini ialah; Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdul Latif dan Datu Imam Haji Mokti bin Haji Nasar. Mereka ini berperanan besar dalam penyebaran ilmu agama termasuk tarekat di Brunei Darussalam.

Manakala pada tahun 2013, Ahmad Fathy al-Fatani telah menulis bukunya bertajuk Ulama' Besar dari Patani juga tidak ketinggalan untuk membicarakan mengenai ulama-ulama terkenal disana, termasuk biografi, peranan dan sumbangan mereka.

c. Jaringan

Kajian terawal mengenai jaringan ialah tesis yang ditulis oleh Azyumardi Azra bagi mendapatkan ijazah kedoktoran pada tahun 1992 dan telah dibukukan pada tahun 2013 bertajuk Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII Akar Pembaruan Islam Indonesia. Ia bertujuan untuk mengkaji jaringan antara ulama Timur Tengah dan Indonesia pada abad ke 17 dan 18 masihi. Dalam karya ini, beliau membahagikan lima bab iaitu: Pertama: Kedatangan Islam dan hubungan Nusantara dengan Timur Tengah. Dalam bab ini, beliau mengemukakan teori-teori kedatangan Islam dari beberapa sarjana terkemuka. Kemudian beliau mengupas juga hubungan awal antara keduanya. Kedua: Jaringan Ulama di Haramain Abad ke Tujuh Belas. Dalam bab ini beliau menjelaskan mengenai kebangkitan Haramain pada abad ke 17 masihi, dengan bantuan kewangan dari Daulah Uthmaniyyah. Ketiga: Pembaharuan dalam Jaringan Ulama dan Penyebarannya ke Dunia Islam yang Lebih Luas. Dalam bab ini, beliau menjelaskan mengenai neo-sufisme dan pelebaran jaringan yang lebih luas di Asia dan Afrika. Keempat: Para Perintis Gerakan Pembaharuan Islam di Nusantara: Ulama Melayu-Indonesia dalam Jaringan Abad ke Tujuh Belas. Dalam bab ini, beliau mendedahkan tiga orang ulama perintis di Nusantara pada abad ke 17 masihi, iaitu Syeikh Nuruddin al-Raniri, Syeikh Abdul Rauf al-Singkil dan Syeikh Muhammad Yusuf al-Makassari. Kelima: Jaringan Ulama

dan Pembaharuan Islam di Wilayah Melayu-Indonesia Pada Abad ke Lapan Belas. Dalam bab ini beliau mendedahkan beberapa ulama Nusantara yang muncul seperti Palembang, Banjarmasin, Kalimantan dan Patani selepas ketiga ulama yang beliau sebutkan dalam bab yang sebelumnya. Beliau juga menjelaskan pengaruh neo-sufisme di Nusantara. Berbeza dengan pengkaji, beliau lebih memfokuskan kepada jaringan antara Timur Tengah dan Nusantara khususnya Indonesia.

Sementara pada tahun 1991, Iik Arifin Mansurnoor juga membuat kajian mengenai jaringan yang bertajuk Brunei Sebagai Sebuah Pusat Jaringan Intelektual Islam di Asia Tenggara. Dalam kajian ini, beliau membahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, Brunei sebagai satu pusat pentadbiran dan intelektual di Asia Tenggara. Kedua, jalur perdagangan Brunei dengan pusat intelektual yang lain dan ketiga, tradisi dan perkembangan intelektual di Brunei. Dalam kajian yang beliau lakukan ini mempunyai persamaan dengan pengkaji terutama mengenai perkembangan intelektual di Brunei.

Pada tahun 2017, Muhammad Hadi Melayong membuat satu kertas kerja seminar bertajuk Mekah Pusat Dunia: Hubungan dengan Brunei. Dalam kajian ini, beliau mengupas mengenai faktor perkembangan hubungan Mekah dan Brunei secara langsung. Pertama: melalui tarekat yang mana perkembangan ini telah berlaku pada akhir pemerintahan khalifah-khalifah Islam di Baghdad. Kedua, para pendakwah dari Timur Tengah datang ke Alam Melayu khususnya Brunei untuk berdakwah. Ketiga, masyarakat Islam Brunei ke Mekah untuk menunaikan fardhu haji.

Pada tahun yang sama juga Muhammed Sahrin bin Haji Masri juga tidak ketinggalan mengupas jaringan antara Asia Barat (Timur Tengah) dengan Brunei Darussalam dalam kertas kerja bertajuk; Hubungan Ulama Asia Barat Dengan Negara Brunei Darussalam: Satu Kajian Awal yang dibentangkan pada tahun 2017 di Pusat Sejarah Brunei. Beliau menjelaskan bahawa adanya hubungan kedua belah pihak ini sejak penerimaan awal Islam, tambahan lagi aktiviti pelayaran orang Asia Barat ke Timur bergiat secara aktif.

d. Islam di Brunei

Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman pada tahun 1992 telah menghasilkan sebuah kajian ilmiah yang bertajuk Islam Di Brunei Darussalam. Kajian ilmiah ini menumpukan kepada enam perkara; Negara Brunei Darussalam zaman pra Islam, teori kemasukan Islam di Negara Brunei Darussalam, Kesultanan Melayu Islam Brunei Darussalam, peranan para Sultan, peranan para Sharif dalam penyebaran dakwah dan kesan-kesan Islam di Brunei Darussalam. Sebelum itu, Haji Mohd Jamil al-Sufri, yang mana pada tahun 1990 tajuk kajiannya Tarsilah Brunei. Beliau juga memfokuskan kepada beberapa perkara; Negara Brunei Darussalam sebelum kedatangan Islam, teori-teori kedatangan Islam, kemunculan Kesultanan Melayu Brunei serta peranan Sultan dan para ulama terutama golongan Sharif dalam penyebaran dakwah.

1.11 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merupakan antara perkara penting dalam melakukan penyelidikan. Dengan menggunakan metodologi yang betul, ia akan membuahkan hasil kajian yang baik. Sebagai seorang penyelidik atau pengkaji hendaklah memastikan metodologi yang digunakan untuk mendapatkan data sesuai digunakan dalam penyelidikan.

Dalam metodologi ini, pengkaji akan menghuraikan beberapa aspek, iaitu metodologi, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini.

Kajian mengenai sumbangan ulama di Negara Brunei Darussalam ini akan menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif yang telah dinyatakan dalam kajian ini.

